

CNS4180

U GB 06-08 00184 BA916

Bah

Mahathir - Kemahiran

ALOR SETAR, 6 Ogos (Bernama) -- Mata pelajaran kemahiran hidup diperkenalkan untuk melengkapkan penuntut dengan pengetahuan dan sikap yang akan menyesuaikan mereka dengan kehidupan dan tanggungjawab masyarakat industri, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ini kerana kerajaan berpendapat rakyat tidak harus dibiarkan tanpa panduan untuk cuba menyesuaikan diri dengan perubahan hidup yang diperlukan bagi masyarakat sedemikian.

Bagaimanapun oleh kerana ia merupakan satu mata pelajaran baru dan perlu diperkenalkan dengan segera, sudah tentu terdapat banyak kelemahan daripada segi isi kandungan dan penyampaiannya.

Beliau meminta guru-guru supaya menolong mengatasi kelemahan itu.

Ketika berucap pada Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, mata pelajaran itu boleh membantu usaha negara untuk mencapai taraf negara maju pada masa akan datang.

+Kita telah mengenal pasti dasar dan sistem yang boleh memajukan negara dengan lebih pesat. Antara lain kajian kita menunjukkan perlunya kita mengubah cara hidup dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran supaya sesuai dengan masyarakat industri,+ katanya. -- Lagi.

♥06/08/18-03MST

U GB 06-08 00153 BA917

Bah

Mahathir - Kemahiran 2 Alor Setar

Beliau berkata, negara akan terus mengkaji pendekatan yang telah dilaksanakan, membetulkannya atau mencipta pendekatan baru untuk memberi lebih kejayaan.

Beliau juga mengingatkan golongan penuntut bahawa faktor asas yang perlu wujud di kalangan mereka ialah sikap mahukan pembaharuan bukan sahaja untuk diri sendiri malah untuk masyarakat dan negara.

+Yang penting ialah kita perlu menanamkan nilai-nilai yang murni seperti kawalan diri, rajin, beramanah dan bersedia menempuh cabaran.+

Beliau juga berkata, hasrat Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020 adalah berlandaskan kepada kemampuan sumber-sumber yang ada sekarang dan antara yang terpenting ialah sumber manusia.

Menurutnya, penuntut sekarang merupakan sumber tenaga manusia yang boleh membantu negara menjayakan Wawasan 2020.

Katanya, negara juga sudah mencipta dan menguji sistem pemerintahan yang mampu menstabilkan dan membawa keamanan kepada negara serta mengubah asas ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian. -- Bernama.

♥06/08/18-04MST